

PAC temu NFC Rabu, 1MDB esok
The Malaysian Insider
21 November , 2011

KUALA LUMPUR, 21 Nov — Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (PAC) Parlimen akan memulakan pendengaran dalaman melibatkan Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) Rabu ini, kata pengerusi jawatankuasa itu Datuk Seri Azmi Khalid hari ini.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di Bangunan Parlimen.

NFC menjadi sasaran kecaman dan menarik minat orang ramai selepas tersiarnya Laporan Ketua Audit Negara 2010 bulan lepas yang mendedahkan bahawa projek ternakan lembu berharga RM250 juta yang mendapat pinjaman kerajaan itu berada dalam keadaan "tidak teratur".

Azmi (gambar) berkata PAC juga akan mengadakan perjumpaan dengan wakil 1Malaysia Development Board (1MDB) esok untuk mendapatkan taklimat tentang entiti itu serta kegiatannya.

Katanya PAC menerima sepucuk surat daripada seorang Ahli Parlimen berhubung 1MDB dan mendapati perkara yang diperkatakan dalam surat itu perlu disiasat.

"Kami ingin mendapatkan lebih banyak maklumat tentang 1MDB, termasuk kegiatan dan perkongsiannya," kata beliau dipetik Bernama Online.

Ditubuhkan pada 2009, 1MDB adalah syarikat milik kerajaan yang bertanggungjawab memacu pembangunan ekonomi lestari secara jangka panjang melalui penubuhan perkongsian strategik secara global dan meningkatkan pelaburan langsung asing.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pac-temu-nfc-rabu-1mdb-esok/>